



يَاسَن فَلَاجَرَن جَوهر

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

NO. 15, BANGUNAN YPJ, JALAN NURI, LARKIN JAYA,
KG. DATO' ONN JAAFAR, KARUNG BERKUNCI 711,
80990 JOHOR BAHRU, JOHOR.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02266

No. Tel : 07-234 4355 No. Faks : 07-234 4434 Laman Sesawang : ypj.gov.my E-mail : info@ypj.gov.my

Sila Nyatakan Rujukan Surat Kami Apabila Menjawab

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami :

Tarikh :

YPJ 101/1/113-11/3

12 hb Mei 2024

TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

Universiti Malaysia Sarawak
Jalan Datuk Mohammad Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak

YBhg. Prof. / Dato' / Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

MAKLUMAN HEBAHAN INSENTIF MAHASISWA ANAK JOHOR (IMAJ) & SKIM BANTUAN PENDAFTARAN (SBP) YAYASAN PELAJARAN JOHOR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor akan membuka permohonan bantuan pendidikan bagi Mahasiswa Anak Johor dalam setiap Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia merangkumi Insentif Mahasiswa Anak Johor (IMAJ) dan Skim Bantuan Pendaftaran (SBP) Yayasan Pelajaran Johor bagi tahun 2024.

3. Sehubungan itu, pihak pentadbiran ingin memohon kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. / Dato' / Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan dalam membuat hebahan makluman mengenai bantuan ini kepada Mahasiswa Anak Johor dalam IPT masing-masing. Permohonan ini boleh melalui pautan seperti yang berikut :



Pautan Permohonan : <https://bantuan-ypj.com>



Poster hebahan : <https://acesse.one/x1bmQ>

4. Adalah menjadi harapan pentadbiran agar perkara ini mendapat perhatian serta kerjasama yang baik oleh pihak YBhg. Prof. / Dato' / Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan. Segala keprihatinan dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMBINA INSAN BERKUALITI"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI SUHAIRI BIN HAJI HASHIM)

Pengurus Besar

Yayasan Pelajaran Johor